

KAJIAN KECEKAPAN PENGURUSAN ZAKAT DI DAERAH KUBANG PASU, KEDAH

Study of Zakat Management Efficiency in Kubang Pasu District, Kedah

Kamsidi @ Abd Malek Bin Sidek¹
Mazita Binti Mat Ali²

^{1,2} ¹Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, 06000 Jitra, Kedah Malaysia.

*Corresponding author (Email: Email:kamsidisidek@gmail.com)

Received: 19 January 2022, Reviewed: 20 February 2022, Published: 31 March 2022

Abstract: Zakat is one of the five pillars of Islam and is obligatory for all Muslims. Zakat is a system that can reduce the gap between the rich and the poor and can help individuals and communities in need. In Malaysia, zakat funds are managed by zakat institutions established in each state. In the state of Kedah in particular, the Kedah Islamic Religious Council is responsible for collecting and distributing zakat funds. There are several cases such as inefficient management and distribution of zakat as well as some issues in the management of zakat distribution such as inefficiency, reputation, ineffective distribution of zakat, quality of services and bureaucracy that occur at the State level. The main focus of this study is on zakat payers in Kubang Pasu District only to identify the main factors causing inefficiency in zakat distribution management in Kedah, especially in Kubang Pasu district which causes the majority of zakat payers are dissatisfied with zakat distribution in Kedah. Data analysis through the Relative Importance Index method was used and the data were collected by constructing Google Forms due to the location factors of the respondents who were throughout the mukim in Kubang Pasu. The findings from this study are expected to help to further improve the effectiveness of the practice of collection and distribution of zakat and in turn can further strengthen the management of the Islamic Financial System in general. In conclusion, the Kedah State Zakat Board needs to have the latest resources, especially in every zakat office. Officers need to be more creative and innovative in facing new challenges, especially in relation to changing needs and demands in the present.

Keywords: Zakat Management, Zakat Institution, Kedah Islamic Religious Council

Abstrak: Zakat merupakan salah satu daripada lima rukun Islam dan diwajibkan kepada semua umat Islam. Zakat merupakan satu sistem yang dapat mengurangkan jurang di antara golongan kaya dan miskin serta mampu membantu individu dan komuniti yang memerlukannya. Di Malaysia, dana zakat diuruskan oleh institusi zakat yang ditubuhkan di setiap negeri. Di negeri Kedah khususnya, Majlis Agama Islam Negeri Kedah bertanggungjawab dalam usaha untuk mengutip dan mengagihkan dana zakat. Terdapat beberapa kes seperti kaedah pengurusan dan pengagihan zakat yang tidak cekap serta beberapa isu dalam pengurusan agihan zakat seperti ketidakcekapan, reputasi, agihan zakat yang tidak efektif, kualiti perkhidmatan dan birokrasi yang berlaku di peringkat Negeri. Fokus utama kajian ini adalah kepada pembayar zakat di Daerah Kubang Pasu sahaja untuk mengenal pasti faktor utama menyebabkan ketidakcekapan pengurusan agihan zakat di Kedah khususnya di daerah Kubang Pasu yang menyebabkan majoriti pembayar zakat tidak berpuas hati dengan agihan zakat di Kedah. Analisis Data

melalui kaedah Indeks Kepentingan Relatif digunakan dan data-data dikumpulkan dengan membina Google Forms disebabkan faktor-faktor lokasi responden yang berada di seluruh mukim di Kubang Pasu. Dapatkan daripada kajian ini diharapkan dapat membantu untuk mempertingkatkan lagi keberkesanannya amalan kaedah kutipan dan agihan zakat dan seterusnya dapat memperkasakan lagi pengurusan Sistem Kewangan Islam secara amnya. Kesimpulannya, Lembaga Zakat Negeri Kedah perlu mempunyai sumberdaya yang terkini, terutamanya di setiap pejabat zakat. Petugas-petugas perlu lebih kreatif dan inovatif dalam menghadapi cabaran baharu terutama berkaitan perubahan keperluan dan permintaan pada masa sekarang.

Katakunci: Pengurusan Zakat, Institusi Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Kedah

PENGENALAN

Zakat merupakan salah satu daripada lima rukun asas dalam Islam dan diwajibkan kepada semua umat Islam. Zakat merupakan satu sistem yang dapat meringankan beban kemiskinan dan dapat mengurangkan jurang dalam kalangan orang kaya dan miskin serta mampu membantu individu dan komuniti yang memerlukan bantuan. Ia juga merupakan salah satu instrumen kewangan dan sumber pembangunan ekonomi Islam.

Zakat berasal daripada perkataan akar Arab yang membawa maksud "yang membersihkan", serta "yang memupuk", iaitu pertumbuhan dan peningkatan (Zayas, 2003). Zakat juga telah disebut dalam Al-Quran bersama-sama dengan istilah-istilah lain seperti sadaqah (derma), yang juga membawa maksud konotasi pemberian dan amal (Hairunnizam & Radiah, 2010).

Di Malaysia, kuasa pengurusan zakat adalah di bawah kerajaan setiap negeri. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa negeri yang telah diswastakan institusi zakat mereka seperti Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pahang, Pulau Pinang, Melaka dan Negeri Sembilan (Sanep, 2006).

Kutipan zakat

Pada masa ini, pembangunan institusi zakat di Malaysia dilihat semakin baik terutama dari segi kutipan zakat (Hairunnizam et.al, 2021). Jumlah kutipan zakat di Malaysia telah dapat dipertingkatkan secara drastik dari tahun ke tahun berpandukan kepada jumlah keseluruhan kutipan zakat bagi setiap negeri. Peningkatan kutipan zakat ini juga disebabkan oleh beberapa faktor misalnya seperti pembangunan e-zakat. Kebanyakan institusi zakat di Malaysia pada masa kini telah mula membangunkan *e-zakat* dengan menggunakan aplikasi Internet berdasarkan Web yang menjadikan maklumat zakat boleh didapati secara elektronik kepada semua rakyat (Kaslam, 2009).

Agihan zakat

Walaupun pengurusan kutipan zakat semakin baik dari tahun ke tahun, namun isu agihan zakat masih menimbulkan banyak masalah, hujah serta perbincangan. Kesukaran dengan kaedah agihan terutamanya isu agihan zakat kepada asnaf yang berkelayakan dan tidak berkelayakan menjadi isu yang sukar diselesaikan. Masalah kemiskinan yang masih lagi berlaku walaupun agihan zakat telah dilaksanakan. Ada juga beberapa institusi zakat kekurangan dana zakat

manakala ada yang mempunyai lebihan. Ini adalah antara isu-isu yang menjadi penyebab mengapa prestasi dan pencapaian agihan zakat di institusi zakat tidak memberangsangkan (Ahmad et.al, 2021).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Di Malaysia, dana zakat diuruskan oleh institusi zakat yang ditubuhkan di setiap negeri di mana keseluruhannya terdapat 14 institusi zakat. Menurut Perlembagaan Malaysia, Fasal 97(3), pengurusan zakat di setiap negeri adalah di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab negeri masing-masing (Perlembagaan Persekutuan, 2006). Untuk negeri Kedah, Majlis Agama Islam Negeri Kedah bertanggungjawab mengutip dan mengagihkan dana zakat (Hafizah Zainal et al., 2016). Dalam konteks institusi zakat, dicadangkan bahawa apabila maklumat yang didedahkan oleh institusi zakat dilihat mempunyai ketelusan yang tinggi, maka ianya akan meningkatkan lagi kepercayaan orang ramai terhadap institusi tersebut.

Jadual 1. Statistik Kutipan Zakat

Tahun	Jumlah Kutipan
2014	RM 2.46 billion
2015	RM 2.49 billion
2016	RM 2.63 billion
2017	RM 2.13 billion (Johor, Kedah, Melaka, Pahang, Penang, Selangor, Wilayah Persekutuan)
2018	RM 1.56 billion (Kedah, Kelantan, Perak, Selangor, Terengganu and Sabah)

Data dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa kutipan zakat telah meningkat. Data ini adalah ringkasan daripada Portal Pengurusan Maklumat Zakat dan Baitulmal Malaysia, Jun 2019.

Jadual 2. Statistik Jenis Kutipan Zakat Bagi Tahun 2012-2016

JENIS ZAKAT	STATISTIK KUTIPAN	
	TAHUN	TAHUN
Padi	4,442,086.77	5,173,191.83
Ternakan	45,765.99	32,999.30
Pendapatan	118,750,237.29	129,634,647.03
Perniagaan	41,541,764.95	47,920,161.73
Wang Simpanan	16,604,942.21	18,652,040.77
Saham	506,743.62	932,411.45
KWSP	2,490,664.79	2,621,631.31
Emas	1,326,134.10	1,911,732.09
Perak	7,365.69	7,741.95
Galian	4.30	2,690.30
Fitnah	10,200,354.00	10,643,279.97
Qadha Zakat	202,615.11	380,493.82
Jumlah Keseluruhan	196,118,678.82	217,913,020.82

Nota: Rujukan daripada portal Lembaga Zakat Negeri Kedah

Jadual 3: Statistik Agihan Zakat Bagi Tahun 2015-2018

JENIS ASNAF	STATISTIK AGIHAN			
	TAHUN			
	2015	2016	2017	2018
Fakir	8,065,104.00	11,791,594.00	10,693,481.00	165,372.00
Miskin	60,350,677.00	67,608,579.00	70,009,207.00	81,638,060.00
Muallaf	1,902,430.00	1,680,590.00	1,388,810.00	2,173,503.00
Ar-Riqab	0.00	0.00	0.00	14,600.00
Al-Gharimin	32,100.00	38,098.00	57,134.00	1,510,834.00
Fisabilillah	62,585,716.00	63,466,777.00	52,631,166.00	64,392,300.00
Ibni Sabil	189,050.00	245,840.00	163,810.00	223,930.00
Jumlah	133,125,077.00	144,831,478.00	134,943,608.00	150,118,599.00

PENYATAAN MASALAH

Terdapat beberapa kes seperti kaedah pengurusan dan pengagihan yang tidak cekap dan dianggap tidak memuaskan berlaku di peringkat Negeri (Lubis et al., 2019). Disamping itu, ianya juga mempunyai beberapa masalah dan isu laian dalam pengurusan agihan zakat seperti ketidakcekapan, bakal pembayar, reputasi institusi zakat, agihan zakat yang tidak memuaskan, kualiti perkhidmatan dan juga karenah birokrasi (Matali & Ab Rahman, 2019). Agihan zakat di Malaysia tidak dapat diuruskan dengan baik adalah disebabkan oleh kekurangan pekerja dan rangkaian profesional yang berkelayakan dalam menguruskan urusan zakat (Zainal, 2016).

Majoriti pembayar zakat khususnya di Malaysia ini tidak berpuas hati dengan pengurusan zakat dalam proses pengagihannya. Mereka merasakan proses dan maklumat berkaitan agihan zakat tidak jelas (Hairunnizam et. Al., 2021). Oleh yang demikian, dalam kajian ini ianya akan berfokuskan kepada pembayar zakat khususnya di daerah Kubang Pasu, Kedah.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti faktor utama menyebabkan ketidakcekapan pengurusan agihan zakat di Kedah.
2. Mengenalpasti faktor utama yang menyebabkan majoriti pembayar zakat tidak berpuas hati dengan agihan zakat di Kedah.

SKOP KAJIAN

Kajian memfokuskan kepada pembayar-pembayar zakat di Daerah Kubang Pasu, Kedah sahaja.

METODOLOGI KAJIAN

Bahagian metodologi ini akan menjawab dua persoalan utama iaitu bagaimana data ini dikumpulkan atau dijana dan bagaimana ianya dianalisis. Untuk menjawab persoalan ini, perkara-perkara berikut diberi perhatian:

1. Pembinaan item soal selidik yang ditadbir sendiri yang menggunakan skala Likert (5 jawapan alternatif)
2. Membuat Pra-ujian dengan menggunakan khidmat 3 orang pakar untuk mengesahkan kesesuaian item soal selidik.

3. Mengenalpasti responden daripada 30 Pembayar Zakat dari daerah Kubang Pasu untuk menggunakan kaedah Persampelan (Sekaran, 2003)

4. Menganalisis data dengan menggunakan kaedah Indeks Kepentingan Relatif (RII) = $\sum w/AxN$ di mana:

W = Berat diberikan kepada setiap atribut oleh responden.

A = Berat tertinggi.

N = Jumlah keseluruhan responden.

ANALISIS DATA

Bahagian ini akan menunjukkan analisis deskriptif (indeks kepentingan relatif) untuk mengenal pasti faktor utama yang menyebabkan ketidakcekapan pengurusan agihan zakat dan faktor utama yang menyebabkan majoriti pembayar zakat tidak berpuas hati dengan kaedah pengagihan zakat pada masa sekarang. Jadual 4 menunjukkan keputusan hasil daripada data-data yang telah didapati.

Jadual 4. Keputusan Analisis Data

Faktor Utama Punca Ketidakcekapan Pengurusan Agihan Zakat di Kubang Pasu		Σw	RII	Kedudukan mengikut Kategori	Kedudukan keseluruhan
Kategori Isu Pengurusan					
MI 15	Kesan agihan zakat terhadap kualiti hidup asnaf masih kurang.	791	0.677	1	3
MI 11	Bilangan pejabat zakat terhad dan hanya terdapat di bandar-bandar besar sahaja.	750	0.662	2	10
MI 14	Lokasi asnaf di kawasan luar bandar menyukarkan kecekapan agihan zakat.	719	0.647	3	15
MI10	Program untuk meningkatkan taraf asnaf menjadi pembayar zakat masih rendah.	737	0.618	4	12
MI 13	Kurangnya kaedah inovatif dan kreatif untuk pengagihan zakat.	730	0.611	5	13
Kategori Isu Individu					
PI 3	Kurangnya komitmen daripada pembayar zakat.	660	0.673	1	20
PI 5	Perbezaan politik menyebabkan agihan zakat menjadi tidak sempurna.	775	0.646	2	6
PI 1	Isu kekurangan kompetensi di kalangan kakitangan.	692	0.586	3	18

PI 2	Isu-isu yang berkaitan dengan beban kerja yang membebankan di kalangan kakitangan.	708	0.586	4	16
PI 4	Ketidakcukupan amil zakat.	724	0.554	5	14

Kategori Isu Sistem

SI 5	Masyarakat Islam masih berharap pejabat zakat perlu menguruskan semua aspek zakat semata-mata.	679	0.735	1	19
SI 1	Maklumat yang tidak lengkap mengenai golongan asnaf.	795	0.689	2	2
SI 4	Maklumat yang tidak lengkap mengenai potensi asnaf membawa kepada bukanasnaf untuk mendapatkan faedah agihan zakat.	785	0.677	3	4
SI 2	Pengurusan teknologi maklumat yang lemah.	744	0.661	4	11
SI 3	Ketidakselarasan pengagihan zakat kepada golongan asnaf.	781	0.646	5	5

Kategori Isu Proses

PI 1	Proses pendaftaran Asnaf yang rumit.	704	0.670	1	17
PI 5	Isu birokrasi masih berlaku di pejabat zakat.	771	0.668	2	7
PI 6	Agihan zakat lewat kepada golongan asnaf.	767	0.664	3	8
PI 2	Tindakan perlahan yang diambil oleh pejabat zakat.	756	0.663	4	9
PI 3	Kaedah agihan zakat semasa tidak berkesan.	805	0.639	5	1

PENEMUAN

Dalam kajian ini, ianya dapat mengenal pasti faktor utama yang menyebabkan pengurusan agihan zakat tidak cekap dan faktor utama yang menyebabkan majoriti pembayar zakat tidak berpuas hati dengan agihan zakat di Kubang Pasu adalah merangkumi 4 faktor berikut:

1. Pengurusan
2. Proses
3. Sistem
4. Individu

Dengan penemuan mengenai faktor utama masalah pengagihan zakat yang berkaitan ini diharap ianya dapat membantu Lembaga Zakat Negeri Kedah khususnya di daerah Kubang Pasu agar dapat mempertingkatkan lagi kualiti amalan kaedah kutipan dan agihan zakat terutama kepada asnaf yang berkelayakan dan seterusnya dapat memperlihatkan kecekapan Sistem Kewangan Islam secara amnya.

CADANGAN

Lembaga Zakat Negeri Kedah khususnya di daerah Kubang Pasu perlu menggunakan pendekatan proses peningkatan dengan faktor pengurusan kualiti menyeluruh iaitu:

1. Proses agihan zakat menggunakan pendekatan yang mudah.
2. Kegiatan penglibatan pembayar zakat asnaf.
3. Membuat keputusan yang baik di kalangan pihak pengurusan.
4. Sistem pengurusan IoT- pendekatan berteknologi kepada orangramai.
5. Tumpukan perhatian kepada kebijakan pembayar zakat.

KESIMPULAN

Kesimpulannya dalam kajian ini, secara amnya dapatlah dirumuskan bahawa proses agihan Zakat di negeri Kedah khususnya di daerah Kubang Pasu mempunyai sumberdaya yang tidak terkini darisegi pengurusan teknologi terutamanya di pejabat zakat. Organisasi ini perlu lebih kreatif dan inovatif dalam menghadapi cabaran baharu terutamanya berkaitan perubahan keperluan dan permintaan. Organisasi zakat juga perlu melakukan tinjauan ke atas keutamaan pengagihan zakat bagi mencerminkan institusi zakat sebagai entiti paling dipercayai dalam mengecilkan jurang antara golongan kaya dan miskin. Hasil kajian ini juga diharap dapat membantu membuat dasar dalam dalam organisasi zakat agar dapat mengekalkan kepercayaan rakyat untuk menunaikan sepenuhnya kewajipan terhadap agama mereka. Memahami tingkah laku pembayar zakat juga adalah penting kepada institusi zakat. Oleh itu, penemuan ini juga akan menghalakan kearah perancangan strategi yang terbaik dalam usaha mengukuhkan lagi kualiti agihan zakat kepada asnaf yang paling layak.

RUJUKAN

- Ahmad, S., Jamaluddin, N. A., Abdullah, S. F., Abdullah, S., & Mohamad, A. (2021). Implementation of zakat on business collection mechanism: A proactive approach by Kedah state zakat board (Lznk). *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*, 3(6), 01-11.
- Hairunnizam Wahid & Radiah Abdul Kader. (2010). *Localization of Malaysian zakat distribution: Perceptions of amil and zakat recipients*. Proceedings of Seventh International Conference. The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy.
- Hairunnizam,W., Osmera, S. H., & Noor, M. A. (2021). Sustainable zakat distribution through Wakalah contract. *International Journal of Zakat*, 6(1), 49-70.
- Kaslam, S. (2009). Governing zakat as a social institution : The Malaysian perspective. *Social and Management Research Journal*, 6(1), 15.

- Lubis, M., Ridho Lubis, A., & Almaarif, A. (2019). Comparison of the approach in the zakat management system. *Journal of Physics: Conference Series*, 1235, 012048.
- Matali, A., & Ab Rahman, A. (2019). Pemerksaan Institusi zakat Dalam Menangani Keperluan Individu Muflis Di Bawah Asnaf al-gharimin Di Brunei Darussalam. *Journal of Fatwa Management and Research*, 413-445.
- Sanep, A. (2018). Analisis Faktor Penentu Kualiti Pengurusan zakat: Kajian Terhadap Lembaga zakat Selangor (Lzs) Di Sepang. *Journal of Fatwa Management and Research*, 11(1), 27-44.
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods for Business-A Skill Building Approach*. Singapore: John Wiley & Sons (ASIA) Pte Ltd.
- Zainal, H. (2016). The role of reputation, satisfactions of zakat distribution, and service quality in developing stakeholder trust in zakat institutions. doi:10.15405/epsbs.2016.08.74
- Zayas, F. G. (2003). *The Law and Institution of Zakat*. Kuala Lumpur: The Other Press